

24 DEC 2001

MAHATHIR-KEWANGAN

PENGURUSAN KEWANGAN YANG CEKAP DAN TEPAT PENTING, KATA PM

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah penting untuk mempunyai pengurusan kewangan yang cekap dan tepat bagi menguruskan kewangan dan ekonomi negara.

Beliau berkata banyak negara lain yang menghadapi masalah kewangan dan mengambil masa yang lama untuk pulih kerana pengurusan kewangannya tidak tepat walaupun mereka mempunyai pakar-pakar kewangan.

Dr Mahathir berkata dalam keadaan sekarang terdapat usaha-usaha untuk menyerang kewangan sesebuah negara dengan sengaja.

"Jika kita tidak tahu bagaimana hendak menanganinya, ekonomi akan runtuh," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Galeri PNB, yang dinamakan semula sebagai Galeri Tun Ismail Mohamed Ali, di sini hari ini.

Dr Mahathir memberi contoh Argentina, umpamanya, disebabkan tekanan-tekanan tertentu dan akibat nasihat daripada badan-badan antarabangsa, negara itu sekarang menghadapi masalah sehingga memaksa presidennya meletak jawatan dan melarikan diri. -- BERNAMA

LES MKO NHD